

## AMBIL TAHU

## IMBUHAN TETAP

Imbuan Tetap merupakan bayaran yang setiap bulan diberi kepada anggota yang layak. Imbuan Tetap diberi berasaskan kriteria kos sara hidup yang terdiri daripada;

- i) Imbuan Tetap Khidmat Awam
- ii) Imbuan Tetap Perumahan
- iii) Imbuan Tetap Keraian
- iv) Imbuan Tetap Jawatan Utama



## 1 IMBUHAN TETAP KHIDMAT AWAM

Imbuan Tetap Khidmat Awam (ITKA) ialah elaun yang diberi oleh Kerajaan bagi membantu mengurangkan kos sara hidup pegawai awam. Elaun ini dibayar kepada Pegawai Perkhidmatan Awam dari Kumpulan Pengurusan dan Profesional gred 41 dan setaraf serta Kumpulan Pelaksana termasuklah pegawai lantikan tetap, sementara dan kontrak.



## 2 IMBUHAN TETAP PERUMAHAN

Pemberian Imbuan Tetap Perumahan (ITP) kepada pegawai Perkhidmatan Awam Persekutuan adalah merupakan usaha Kerajaan dalam membantu meringankan kos sara hidup penjawat awam. Kadar ITP adalah di antara RM300 hingga RM2,000 mengikut kumpulan gred seperti yang dinyatakan di dalam Pekeliling Perkhidmatan Bil. 8/2015.



## 3 IMBUHAN TETAP KERAIAN

Imbuan Tetap Keraian (ITK) adalah elaun yang diberi kepada anggota sektor awam untuk menampung peningkatan kos sara hidup dan juga bertujuan memberi imbuan kepada pegawai-pegawai yang menjawat jawatan strategik dalam perkhidmatan awam. Elaun ini dibayar kepada semua pegawai perkhidmatan awam gred 43 dan keatas (gred 43-54 ; Kumpulan Pengurusan dan Profesional) serta Kumpulan Pengurusan Tertinggi.



## 4 IMBUHAN TETAP JAWATAN UTAMA DAN GRED KHAS

Imbuan Tetap Jawatan Utama dan Gred Khas (ITJU) ialah elaun yang diberi oleh Kerajaan kepada pegawai yang terlibat sebagai imbuan galakan. Elaun ini dibayar kepada pegawai dari Kumpulan Pengurusan Tertinggi. Penentuan Jawatan-jawatan Utama ialah untuk meningkatkan keupayaan dan kualiti kepimpinan pengurusan dalam sektor awam. Jawatan-jawatan Gred Khas pula ditentu berdasarkan pengiktirafan tahap kepakaran dan pengalaman penyandanganya.



## Tahukah anda?

Hanya 4 Imbuan Tetap di atas sahaja yang diambilkira dalam pengiraan Faedah Gantian Cuti Rehat (FGCR)

### Formula Pengiraan Faedah Persaraan

<b>Ganjaran Perkhidmatan</b>						
7.5 %	×	TEMPOH PERKHIDMATAN (BULAN)	×	GAJI POKOK AKHIR		
<b>Pencen Bulanan*</b> <small>(*Terhad kepada maksimum 360 bulan perkhidmatan)</small>						
1/600	×	TEMPOH PERKHIDMATAN (BULAN)	×	GAJI POKOK AKHIR		
<b>Award Wang Tunai GCR (FGCR)</b>						
1/30	×	TEMPOH CUTI TERKUMPUL	×	GAJI POKOK AKHIR	+	IMBUHAN TETAP

Maklumat lanjut mengenai Imbuan Tetap boleh dirujuk di laman web:

<https://registrar.utm.my/bsm/imbuhantetap/>